





Perkukuh hubungan

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan pertemuannya dengan rakan sejawat dari Belanda, Mark Rutte yang mengadakan lawatan kerja ke negara ini sebagai penting.

Katanya, banyak perkara dibincang antaranya industri kelapa sawit, kerjasama digital, kecerdasan buatan dan teknologi semi-konduktor.

"Moga hubungan Malaysia-Belanda akan terus bertambah baik dan kukuh pada masa hadapan, insya-Allah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

■ANWAR Ibrahim dan Mark Rutte bersalam selepas mengadakan pertemuan empat mata di Kompleks Perdana Putra, Putrajaya semalam.